

15 JAN 1997

Mahathir-hak

MALAYSIA BAWA ISU HAK HARTA INTELEK KE AMM

Oleh: Salmi Hashim

LOS ANGELES, 15 Jan (Bernama)-- Malaysia akan membangkitkan isu penguatkuasaan undang-undang hak harta intelek di Mesyuarat Peringkat Menteri Asean di Kuala Lumpur tahun ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini pada Selasa.

Perdana Menteri memberitahu satu persidangan akhbar bahawa kerajaan di rantau itu tidak mengetepikan masalah meniplak perisian atau produk multimedia lain kerana penguatkuasaan semakin sukar.

"Malaysia tidak dapat menentukan apa yang berlaku di negara-negara jirannya tetapi semakin banyak negara kini mengiktiraf hak harta intelek penciptanya," kata beliau apabila ditanya mengenai kebimbangan pengeluar perisian di rantau itu.

Dr Mahathir berkata pengeluar mungkin akan menemui kaedah yang kukuh untuk menghalang cetak rompak.

"Di mana-manapun kita akan terus berdepan dengan masalah ini sehinggalah semua orang mempunyai sikap bertanggungjawab," katanya.

Dr Mahathir sedang dalam rangka lawatan seminggu ke Los Angeles dan San Francisco untuk menarik pelabur Amerika ke Koridor Raya Multimedia (MSC).

Dr Mahathir yang sebelum itu berucap kepada pemimpin industri hiburan dan menghurai mengenai pakej insentif yang ditawarkan oleh MSC, berkata masyarakat Hollywood menunjukkan reaksi positif dan beliau yakin mereka akan menerima tawaran itu.

Mengenai anggota Panel Penasihat Antarabangsa MSC, beliau menyangkal andaian bahawa penglibatan begitu banyak syarikat multimedia yang besar seperti Microsoft, Apple dan

IBM, mereka tidak dapat bekerjasama.

"Ini satu pengalaman baik kepada mereka kerana dengan berada dalam satu bilik, ketua-ketua eksekutif syarikat-syarikat ini akan tahu apa yang dikatakan oleh pesaing mereka," katanya.

Panel itu yang dipengerusikan oleh Dr Mahathir akan mengadakan mesyuarat pertamanya di Universiti Stanford pada Khamis.

Anggota-anggota panel itu akan menasihatkan Perdana Menteri dan kerajaan Malaysia mengenai semua isu strategik mengenai MSC seperti infrastruktur dan persekitaran, dasar dan undang-undang siber, pemasaran dan insentif serta pembangunan industri tempatan. -- BERNAMA

SH MAI